

PENGARUH DAN KESAN LAGU DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: KERTAS KONSEP

The influence of songs in early childhood education: Concept Paper

Rasidah Mohd Abdul Rahman^{1*}, Jamilah Mohd Basir², Azizah Zain³

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA ^{1, 2, 3}

P20231000195@upsi.edu.my^{1*}, jamilah.basir@fpm.upsi.edu.my²,
azizah.zain@fpm.upsi.edu.my³

*Corresponding Author

Received: 06 August 2024; **Revised:** 21 January 2025 **Accepted:** 17 February 2025; **Published:** 18 February 2025

To cite this article (APA): Mohd Abdul Rahman, R., Mohd Basir, J., & Zain, A.. (2025). Pengaruh dan kesan lagu dalam pendidikan awal kanak-kanak: Kertas konsep: The influence of songs in early childhood education: Concept Paper. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(1), 104-118. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.8.2025>

ABSTRAK

Penggunaan lagu sebagai alat pedagogi dalam sistem pendidikan semakin mendapat perhatian. Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan pengaruh dan kesan lagu dalam pendidikan khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian yang dijalankan dengan menganalisis dapatan sorotan dari kajian lepas. Hasil daripada kajian lepas, pengkaji terdahulu mendapati penggunaan lagu bukan sahaja menjadi media hiburan semata-mata, tetapi juga sebagai alat pendidikan yang sangat berkesan dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran, memaksimumkan perkembangan secara holistik, sebagai alat memperkenalkan sesuatu budaya dan transmisi budaya, memaksimumkan keterlibatan kanak-kanak dalam beraktiviti, meningkatkan motivasi dan keyakinan diri, meningkatkan penguasaan bahasa dan literasi, menguatkan daya ingatan, memudahkan guru menyampaikan kandungan pengajaran seterusnya membantu kanak-kanak menguasai dan mencapai objektif dengan lebih mudah dalam suasana yang menyenangkan. Sorotan dari kajian lepas juga mendapati penggunaan lagu bukan sahaja membantu dalam pendidikan awal kanak-kanak mahupun prasekolah, malah juga membantu dalam pelbagai lapisan pendidikan dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah berkeperluan khas dan juga untuk kanak-kanak pintar cerdas (PERMATA). Kertas konsep ini turut mencadangkan pembangunan model lagu tradisional Melayu kanak-kanak untuk perkembangan sosioemosi yang secara tidak langsung dapat menerapkan nilai budaya dan transmisi budaya sedari awal. Implikasi dari perbincangan dari kertas konsep ini penting agar guru dan ibu bapa dapat merancang pembelajaran yang lebih baik, berkesan dan menyenangkan.

Kata Kunci: pengaruh, kesan, kepentingan, lagu pendidikan awal kanak-kanak, transmisi budaya.

ABSTRACT

The use of songs as a pedagogical tool in the education system is receiving increasing attention. This concept paper aims to discuss the influence and impact of songs in education, especially in early childhood education. The study was conducted by analyzing the findings of previous studies. As a result of previous studies, previous researchers found that the use of songs is not only a mere entertainment media, but also a very effective educational tool in efforts to improve the quality of learning, maximize holistic development, as a tool to introduce a culture and cultural transmission, maximize children's involvement in activities, increase motivation and self-confidence, improve language and literacy mastery, strengthen memory, make it easier for teachers to deliver teaching content, and then help children master and achieve objectives more easily in a fun atmosphere. Highlights from previous studies also found that the use of songs not only helps in early childhood education or preschool, but also helps in various levels of education from early childhood education, primary school, secondary school, special needs school and also for gifted children (PERMATA). This concept paper also proposes the development of a model of traditional Malay children's songs for socio-emotional development which can indirectly instill cultural values and cultural transmission from the beginning. The implications of the discussion from this concept paper are important so that teachers and parents can plan better, more effective and enjoyable learning.

Keywords: influence, effect, importance, song. early childhood education, cultural transmission.

PENGENALAN

Adakah lagu hanya sekadar hiburan merehatkan minda, menenangkan emosi dan mengurangkan tekanan? Jika dilihat dalam aspek pendidikan, adakah kita membayangkan bahawa lagu hanya semata-mata hiburan kepada kanak-kanak? Persoalan ini membawa kita kepada sorotan kajian lepas berkaitan bagaimana pengaruh lagu dan kesannya dalam pendidikan. Secara tipikal, masyarakat melihat lagu sekadar hiburan semata-mata. Malah lagu juga dilihat sebagai aktiviti yang menyeronokkan kanak-kanak seperti aktiviti menyanyi (Nurul Aida & Abdul Halim, 2022). Namun, tahukah kita lagu dan nyanyian memberi impak besar bukan sahaja kepada kanak-kanak, malah juga kepada individu lain dalam meningkatkan perkembangan secara holistik (Nurul Jannah, 2023). “Sekolah main”, “sekolah nyanyi” dan “sekolah makan” yang dahulunya sinonim diperkatakan tentang prasekolah, perlu diperbetulkan pandangan kepada sudut yang lebih positif. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan pengaruh dan kesan penggunaan lagu dalam pendidikan khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini penting dan diharapkan dapat memberi input, alternatif dan motivasi kepada ibu bapa, guru serta badan penggubal kurikulum dalam membantu meningkatkan perkembangan setiap individu secara holistik sedari awal pendidikan kanak-kanak.

Pernyataan Masalah

Kanak-kanak secara semulajadi suka menyanyi apatah lagi jika dilaksanakan bersama guru dan rakan (Mohamed et al., 2021). Seiring dengan itu, David et al. (2024) dan Laela (2023) berpendapat lagu dan nyanyian merupakan kuasa pantas dalam meningkatkan perkembangan fizikal, sosial dan emosi kanak-kanak. Banyak kajian mengaitkan penggunaan lagu dalam aktiviti pembelajaran menunjukkan metodologi berasaskan lagu memberi kesan positif dalam pelbagai aspek perkembangan (Fadhilah et al., 2023). David et al. (2024) dan Leala (2023) pula berpendapat lagu bukan hanya sekadar hiburan tetapi sebahagian alat pendidikan. Manakala Izzatin (2023) dan Fahmiatul et al. (2021) bersetuju lagu berperanan mengembangkan aspek kebudayaan dan transmisi budaya. Namun banyak kajian yang dijalankan terutama selepas pascapandemik menemui banyak perkembangan kanak-kanak yang terganggu ekoran dari pandemik COVID-19 seperti perkembangan sosial dan emosi (Seak Yi Chek dan Khairul

Farhah, 2023; Isabelle Leong, 2020. Berikutan permasalahan ini, ramai pengkaji terdahulu mencadangkan alternatif membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak melalui pelbagai kaedah antaranya dengan penggunaan lagu (Mohamed et al., 2021; David et al., 2024; Laela, 2023). Sesuai dengan kenyataan dari Siti Nur Adilah et al. (2021) menyatakan kesediaan mental, sosial dan emosi kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh lagu yang digunakan semasa beraktiviti. Bertepatan dengan kajian ini yang melihat pengaruh dan kesan penggunaan lagu dalam pendidikan terutama pendidikan awal kanak-kanak. Kajian menjelaskan penggunaan lagu kanak-kanak boleh menyumbang kepada perkembangan dan pembentukan sahsiah, perkembangan sosial dan emosi, pembentukan minda, penguasaan kreativiti serta meningkatkan seluruh aspek perkembangan secara holistik seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan pengaruh dan kesan lagu dalam pendidikan khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, persoalan kajian yang dikaji adalah apakah pengaruh lagu dalam sistem pendidikan dan apakah kesan penggunaan lagu dalam pengajaran pembelajaran.

1.0 LAGU KANAK-KANAK

Lagu kanak-kanak mempunyai lirik yang mudah, menarik dan melodi yang menimbulkan mood keriang. Seiring dengan apa yang diperkatakan oleh Zainiah et al. (2021) lagu kanak-kanak menggunakan bahasa mudah, frasa yang berulang agar lebih mudah diingati serta menyeronokkan. Maka sebab itulah lagu kanak-kanak lebih diminati oleh guru-guru pendidikan awal kanak-kanak khususnya. Menurut kamus Dewan edisi ke-4 (2005) lagu kanak-kanak adalah puisi mudah yang terdiri dari sejumlah baris yang senang dibaca dan dinyanyikan dan tergolong dalam sastra lisan. Sependapat dengan itu, Nur Asiah et al. (2023) dan Fahmiatul et al. (2021) menyatakan lagu kanak-kanak meninggalkan kesan emosi. Begitu juga kajian dari Izzatin (2023) banyak lagu kanak-kanak dari pelbagai budaya dan guru menggunakan lagu ini sebagai bahan mengajar dan menyampaikan budaya kepada generasi baharu.

Secara keseluruhannya lagu kanak-kanak dilihat sebagai lagu yang mudah, ringkas, mempunyai maksud dan tujuan lagu dinyanyikan, lirik dan irama yang berulang-ulang bagi memudahkan kanak-kanak mengingat dan menghafal serta mempunyai banyak kategori dan tema sebagai pilihan. Dengan itu guru perlu bijak dan peka dalam memilih lagu yang bersesuaian agar mutu penyampaian, objektif pembelajaran dan kefahaman kanak-kanak dapat dicapai dengan baik (Zainiah et al., 2021).

2.0 CIRI-CIRI LAGU KANAK-KANAK

Dalam mengupas ciri-ciri lagu kanak-kanak, pengkaji terdahulu seperti Rosiman dan Ahmad (2024); Nurul Jannah (2024); Mhd Hussin et al. (2023) menyenaraikan ciri-ciri lagu yang membantu kanak-kanak menguasai pembelajaran dengan lebih mudah. Lagu banyak membantu dan memudahkan guru menyampaikan maklumat, pengajaran dan menjurus ke arah mencapai objektif pembelajaran. Di sini memerlukan kebijaksanaan guru dalam memilih lagu

yang sesuai dengan aktiviti dan objektif yang perlu dicapai dan dikuasai oleh kanak-kanak. Shakhnoza et al. (2024) dalam kajiannya berpendapat lagu kanak-kanak adalah lagu yang menyenangkan halwa telinga, memberi motivasi, membantu meningkatkan dan mengembangkan memori dan konsentrasi terhadap sesuatu topik serta membentuk dan mengukuh bahasa pertama, mengembangkan bahasa kedua dan bahasa baharu.

Lagu kanak-kanak boleh dikategorikan kepada beberapa jenis dan ianya bergantung kepada tujuan lagu digunakan, suasana yang ingin ditimbulkan, emosi yang ingin dibangkitkan dan hasilnya dapat menjadi pengajaran untuk kanak-kanak (Aminoh, 2024). Selain itu, lagu kanak-kanak juga terdiri dari pelbagai tema dan kategori, lirik yang ringkas dan pendek, berulang-ulang bagi memudahkan guru memilih jenis lagu yang sesuai untuk digunakan dan memudahkan kanak-kanak menguasai (Zainiah et al., (2021). Melalui pengulangan frasa, kanak-kanak dapat berlatih menyebut perkataan bagi meningkatkan kefasihan. Lagu kanak-kanak juga disifatkan sebagai pembangunan masyarakat berakhlak mulia, bermoral, beretika, berbudaya dan beradab. Dalam kajian oleh Rosiman dan Ahmad, (2024) lagu dianggap pembina watak generasi baharu “*basic character building*” dan disebabkan itu terdapat beberapa ciri dan watak dalam lagu kanak-kanak antaranya bersifat keagamaan, jujur, berdisiplin, rajin, berdikari, demokratik, sifat inkuiri tinggi, cintakan negara, mesra berkomunikasi, keamanan, sayangi alam sekitar dan bertanggungjawab. Dengan menggunakan lagu kanak-kanak, sifat-sifat mulia ini dapat dipupuk.



Rajah 1: Ciri-ciri lagu kanak-kanak menurut Rosiman, I., dan Ahmad, R. (2024)

3.0 KESAN PENGGUNAAN LAGU DALAM PENGAJARAN

Melalui beberapa orang pengkaji terdahulu telah menemukan akan kesan penggunaan lagu dalam pengajaran pembelajaran antaranya:

3.1 Kesan penggunaan lagu menurut Palmer dan Booth (2024) dalam *The Effectiveness of Song and Music as Pedagogical Tools in Elementary School Science Lessons*

Kajian Palmer dan Booth (2024) berdasarkan rajah di bawah, telah menyenaraikan kesan penggunaan lagu dalam pendidikan. Antara kesan tersebut adalah sebagai alat pedagogi yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran pembelajaran. Dengan menggunakan lagu, ianya dapat meningkatkan minat dan motivasi kanak-kanak. Apabila aktiviti yang dijalankan menyeronokkan, kanak-kanak akan teruja untuk turut sama terlibat dalam aktiviti tersebut. Melihat aspek penggunaan lagu dalam pengajaran bahasa pula, keterlibatan kanak-kanak dalam setiap aktiviti membantu meningkatkan penguasaan literasi saintifik. Lagu juga banyak digunakan dalam membantu meningkatkan penguasaan dan pemahaman tentang Sains. Sebagai contoh guru menggunakan lagu “rama-rama” sebagai bahan untuk memudahkan pemahaman tentang kitaran hidup rama-rama. Ini juga menunjukkan penggunaan lagu membantu kanak-kanak menguasai sesuatu topik terutama dalam Sains dan seterusnya meningkatkan penguasaan dalam pembelajaran. Ianya memudahkan guru dan membantu kanak-kanak menguasai. Ini menambahkan lagi motivasi dan minat guru menggunakan lagu sebagai salah satu bahan dalam pengajaran mereka. Pengkaji juga menekankan lagu bukan sahaja sesuai kepada sesuatu mata pelajaran malah membantu dalam pelbagai domain kurikulum. Palmer dan Booth, (2024) juga berpendapat penggunaan lagu dan pemilihan lirik lagu yang sesuai dan bertepatan dapat mengukuhkan ingatan dan meningkatkan emosi positif kanak-kanak dan ini membantu kanak-kanak untuk lebih mudah menguasai sesuatu pembelajaran dengan lebih baik.



Rajah 2: Kesan penggunaan lagu dalam pengajaran menurut Palmer & Booth (2024)

3.2 Kesan penggunaan lagu menurut Izzatin, (2023) dalam efektivitas penggunaan lagu dalam pembelajaran bahasa Arab metode tamyiz


Izzatin (2023) dalam kajiannya tentang keberkesanan penggunaan lagu dalam pembelajaran, menekankan beberapa kesan dari penggunaan lagu dan aktiviti nyanyian dalam pengajaran pembelajaran antaranya penggunaan lagu dapat membantu kanak-kanak lebih mudah menguasai dan mempraktikkan apa yang disampaikan oleh guru. Pembelajaran secara “*joyfull noises learning*” akan terhasil dengan adanya aktiviti nyanyian dan lagu yang menyeronokkan yang memberi kepuasan, kegembiraan dan kebahagiaan kepada kanak-kanak. Aktiviti yang mengembirakan ini dapat melahirkan kanak-kanak yang lebih kreatif dalam beraktiviti. Kesan dari penggunaan lagu, kanak-kanak akan lebih peka dengan bahan pembelajaran terutama penggunaan lirik lagu yang dipilih. Ini dapat meningkatkan kemampuan mendengar dengan teliti, meningkatkan keyakinan dan kemahiran menyanyi serta meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak. Dengan aktiviti yang mengembirakan dan menyeronokkan ini, kanak-kanak juga akan dapat meningkatkan kebolehan diri dalam bersosialisasi dan berkomunikasi dengan lebih baik. Dengan kebijaksanaan guru dalam memilih lagu yang mempunyai rima dan kosa kata yang ringkas dan tepat dan pemilihan lirik yang bersesuaian akan membantu kanak-kanak untuk mudah mengingat apa yang telah dipelajari. Ini kerana lagu kanak-kanak berulang-ulang dan ringkas. Sehubungan itu kanak-kanak akan lebih mudah menjalani aktiviti bersama dengan rakan lain, bersosialisasi secara sihat, dapat meningkatkan komunikasi kanak-kanak dan seterusnya dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan diri yang akhirnya membantu meningkatkan kemampuan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak.



Rajah 3: Kesan Penggunaan Lagu Dalam Pengajaran oleh Izzatin (2023)

3.3 Kesan penggunaan lagu dalam sejarah perkembangan aplikasi terapi muzik dalam rawatan kesihatan mental (Siti Nur Adilah et al., 2021)

Siti Nur Adilah et al. (2021) dalam kajiannya bertajuk *Sejarah Perkembangan Aplikasi Terapi Muzik Dalam Rawatan Kesihatan Mental*, menekankan proses pengajaran pembelajaran dengan menggunakan lagu sebagai bahan, kanak-kanak akan menemukan cara belajar yang lebih menyeronokkan yang seterusnya merangsang daya kreativiti kanak-kanak secara maksima. Penggunaan lagu juga didapati telah menjadi tarikan kanak-kanak kepada bidang ilmu yang lain. Sebagai contoh penggunaan lagu bahasa Melayu yang digunakan untuk pengajaran tunjang Sains Awal mahupun Matematik Awal. Dengan itu, pengalaman belajar kanak-kanak dapat diperkayakan lagi dengan lebih meluas. Penulis mengaitkan dengan bagaimana penggunaan lagu akan memberi ilmu baharu merentasi tunjang lain dan ini menjadikan ingatan kanak-kanak dapat diperkukuhkan dan dikaitkan kepada dapatan informasi baharu. Ini juga dapat menguatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap apa yang telah dipelajari. Keseronokan dalam beraktiviti dan melaksanakan aktiviti dengan baik dapat meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak. Siti Nur Adilah et al. (2021) juga menekankan pentingnya aspek kebijaksanaan guru dalam pemilihan lagu dan lirik lagu yang sesuai akan membantu membentuk dan mengukuh elemen sikap dan sahsiah kanak-kanak. Ini kerana pemilihan lirik lagu yang membina sahsiah dan nilai kanak-kanak digunakan dan disebut secara berulang-ulang akan membantu pembentukan sahsiah dan nilai yang baik ke dalam diri kanak-kanak.




Rajah 4: Kesan Penggunaan Lagu Dalam Pengajaran oleh Siti Nur Adilah et al., (2021)

3.4 Kesan penggunaan lagu dan nyanyian menurut Shakhnoza et al., (2024) dalam *Improving listening skills of elementary school students through music and songs*

Hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan oleh Shakhnoza et al. (2024), telah menemukan beberapa kesan penggunaan lagu dalam pengajaran pembelajaran. Pengkaji

mendapati muzik dan lagu yang digunakan dalam pengajaran pembelajaran kanak-kanak dapat memberikan impak besar dalam meningkatkan penguasaan berbahasa terutama dalam kemahiran literasi iaitu kemahiran mendengar dan bertutur. Kanak-kanak akan dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dan dapat meningkatkan persepsi dan daya ingatan kanak-kanak. Justeru itu peningkatan penguasaan artikulasi, kesedaran pendengaran, ingatan dan bunyi juga dapat ditingkatkan. Ini apabila kanak-kanak peka terhadap lagu yang disampaikan, isi yang terkandung dalam lagu dan bagaimana lagu dinyanyikan dengan baik mengikut muzik. Ini bukan sahaja sesuai untuk bahasa pertama, malah juga sesuai untuk menguasai bahasa kedua dan bahasa baharu. Pembelajaran akan menjadi lebih mudah, menarik dan dinamik. Ini memberi kesan keseronokan kepada kanak-kanak dan seterusnya dapat menghilangkan tekanan. Elemen kerian akan terbentuk dan beraktiviti. Pengkaji juga menemukan lagu menjadi bahagian penting dalam kesedaran dan pengembangan budaya. Dengan menggunakan lagu bertemakan kemasyarakatan setempat mahupun lagu rakyat, ideologi dan pengembangan budaya dapat disebarkan. Penggunaan lagu tradisional kanak-kanak tempatan akan memberi ilmu baharu kepada kanak-kanak tentang budaya, norma dan cara hidup mereka sendiri. Dengan menggunakan lagu dan aktiviti nyanyian juga, persekitaran pembelajaran yang menarik dan dinamik dapat diwujudkan. Ini dapat meningkatkan motivasi kanak-kanak dan memudahkan aktiviti pembelajaran dijalankan




seterusnya objektif pengajaran dapat dicapai dengan lebih baik

Rajah 5: Kesan Penggunaan Lagu Dalam Pengajaran oleh Shakhnoza et al., (2024)

3.5 Kesan penggunaan lagu kanak-kanak dalam Manfaat Lagu Anak Dalam Meningkatkan Minat Belajar Peserta Sekolah Dasar (Fahmiatul et. al, 2021)

Fahmiatul et al. (2021) dalam penulisannya telah memfokuskan kajian berkaitan penggunaan lagu dalam pengajaran pembelajaran sebagai salah satu usaha untuk memaksimumkan minat belajar kanak-kanak, meningkatkan motivasi dalaman dan luaran, memberi pengalaman untuk lebih percaya diri untuk berdikari, meningkatkan efikasi sendiri dan menghargai diri yang seterusnya akan melahirkan generasi yang bukan sahaja bijak

berdikari, malah lebih berani. Dengan penggunaan lagu juga dapat meningkatkan pertumbuhan psikomotor contohnya melalui nyanyian dan gerakan serta permainan dalam lagu. Pelbagai aktiviti boleh dipelbagaikan melalui nyanyian dan ini dapat meningkatkan kemahiran psikomotor kanak-kanak. seterusnya daya imaginasi kreatif juga dapat ditingkatkan. Dalam aktiviti menggunakan lagu, guru dapat memperkenalkan sesebuah lagu kepada kanak-kanak serta mempertahankan lagu yang dipilih melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan secara lebih berstruktur mengikut objektif pengajaran. Sebagai contoh pemilihan lagu bertema memudahkan guru menyusun aktiviti dan penerimaan maklumat kepada kanak-kanak juga lebih tersusun dan berstruktur. Lagu juga dikatakan bertindak sebagai sumber kepada kebahagiaan dan ketenangan. Lagu membantu kanak-kanak mengawal emosi mereka sendiri. Pemilihan lagu yang bersesuaian dapat memberikan ketenangan dan kebahagiaan dalam diri kanak-kanak. Dalam beraktiviti menggunakan lagu, akan berlakunya hubungan komunikasi yang baik dan terancang serta sosial yang sihat dan positif. Lingkungan sosialisasi yang positif juga akan melahirkan individu positif.



Rajah 6: Kesan Penggunaan Lagu Dalam pendidikan oleh Fahmiatul et al., (2021)

4.0 PENGARUH LAGU DALAM PELBAGAI PERINGKAT PENDIDIKAN

Penggunaan kaedah lagu dan nyanyian dalam pengajaran pembelajaran memberi pengaruh besar kepada kanak-kanak. Guru menyedari kaedah lagu, muzik dan nyanyian menjadi aktiviti yang sangat disukai oleh kanak-kanak. Berdasarkan dari kajian lepas, mendapati penggunaan lagu bukan sahaja hanya sesuai kepada kanak-kanak kecil, malah juga kepada pelbagai lapisan peringkat dalam pendidikan.

4.1 Pengaruh lagu di sekolah menengah

Menyedari hakikat menggunakan lagu, muzik dan nyanyian dapat mewujudkan persekitaran yang lebih positif dan berguna dalam pengajaran pembelajaran maka Seri Fajiha Natasha et al. (2022) telah menjalankan kajian berkaitan perkara ini dengan mengaitkan pengajaran Topik Fotosintesis tingkatan 1. Pengkaji mengaitkan lagu dan nyanyian kanak-kanak kepada pelajar sekolah menengah dengan topik fotosintesis. Penggunaan lagu kanak-kanak Melayu tradisional menjadi pilihan pengkaji kerana menyedari ianya adalah warisan kesenian Melayu yang sepatutnya digunakan dan dipertahankan. Hasil kajian menunjukkan lirik lagu berkaitan fotosintesis yang dicipta mempunyai kandungan yang baik, melodi lagu kanak-kanak Melayu tradisional yang digunakan untuk tajuk fotosintesis ini juga sangat sesuai. Kesimpulan dari kajian ini adalah responden menunjukkan persepsi yang baik terhadap lirik lagu fotosintesis kanak-kanak Melayu tradisional. Oleh itu, melodi lagu kanak-kanak Melayu tradisional berpotensi mengubah kaedah pengajaran pembelajaran bukan sahaja untuk kanak-kanak malah boleh diaplikasikan dalam bidang sains sekolah menengah. Ini menunjukkan penggunaan kaedah pengajaran melalui lagu memberi pengaruh besar.

4.2 Pengaruh lagu di sekolah rendah

Begitu juga penggunaan lagu untuk mengukuhkan pemahaman murid-murid di sekolah rendah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Palmer dan Booth (2024) dengan menggabungkan lagu dan nyanyian dapat memperkayakan persekitaran pendidikan seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam merentas domain kurikulum. Shakhnoza et al., (2024) pula menjalankan kajian terhadap murid gred 4 seramai 30 orang. Murid dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu 15 kumpulan kawalan dan 15 kumpulan eksperimen. Kajian telah mendapati murid yang menggunakan lagu untuk belajar bahasa lebih menguasai apa yang diajar terutama dalam kemahiran mendengar berbanding murid yang tidak menggunakan lagu. Kajian ini menjelaskan lagu memupuk kemahiran mendengar, menguasai bahasa pertama dan bahasa kedua dengan lebih baik.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Ika Nuriyanti (2024) dengan melihat bagaimana penggunaan lagu dapat meningkatkan motivasi murid sekolah rendah dan meningkatkan penguasaan berbahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Lagu dikatakan mempunyai kuasa besar untuk menarik perhatian dan mengekalkan tumpuan murid. Dengan menggunakan 3 buah lagu kanak-kanak sebagai bahan kajian, terbukti penggunaan lagu dapat mewujudkan keceriaan kelas, keseronokan belajar, meningkatkan pemahaman, penguasaan dalam belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sorotan dari kajian lepas jelas menunjukkan lagu kanak-kanak mempunyai kuasa besar dalam mewujudkan suasana kelas yang harmoni dan menyeronokkan, meningkatkan tumpuan dan dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap apa yang guru sampaikan. Ini jelas menunjukkan lagu kanak-kanak ini bukan sahaja digunakan di prasekolah, malah juga memberi impak kepada murid sekolah rendah.

4.3 Pengaruh lagu kepada pelajar pintar cerdas (PERMATA)

Pengaruh lagu bukan sahaja sesuai untuk kanak-kanak, malah kajian dari Seri Fajiha Natasha et al. (2022), telah menjelaskan penggunaan lagu memberi kesan kepada pelajar

yang dikategorikan sebagai pintar cerdas dan berbakat yang terpilih menjadi pelajar di Pusat PERMATA Pintar Negara. Dari kajian yang telah dijalankan oleh Md Jais et al. (2018), menunjukkan semua pelajar PERMATA berpendapat permainan alat muzik adalah aktiviti yang sangat baik diikuti dengan pemilihan aktiviti yang berkaitan dengan persembahan muzik, teori muzik, lagu dan nyanyian.

Kajian telah menunjukkan dengan menggunakan bahan bantu mengajar interaktif menggunakan lagu secara teori dan amali dalam pendidikan, dapat menarik perhatian pelajar. Pengkaji juga menekankan perkembangan manusia mempunyai kebolehan, bakat, minat dan keistimewaan yang tersendiri dan ianya sesuai dengan pendekatan Humanistik. Kajian Md Jais et al. (2018), menunjukkan pelajar PERMATA bukan sahaja fokus kepada kurikulum dan akademik sahaja, malah mereka dilihat menjadi lebih seronok dan ingin belajar banyak perkara berkaitan dengan aspek muzik. Maka impak dari dapatan kajian tersebut, sukatan yang lebih mendalam berkaitan sejarah muzik dan evolusi muzik telah diperkenalkan serta menggunakan teknologi moden seperti komputer, LCD dan televisyen untuk menarik perhatian pelajar pintar cerdas ini mendalami muzik dengan lebih mendalam dalam persekitaran yang menyeronokkan.

4.4 Pengaruh lagu kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

Kita telah melihat bagaimana lagu membantu meningkatkan perkembangan dan tahap penguasaan murid sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar pintar cerdas (PERMATA). Tidak lupa juga penggunaan lagu membantu meningkatkan penguasaan kanak-kanak berkeperluan khas. Fakta kanak-kanak berkeperluan khas sering bermasalah dan batasan kebolehan kognitif, menjadikan ianya sebagai cabaran untuk kanak-kanak berkeperluan khas ini menguasai pengajaran yang disampaikan. Kajian yang dijalankan Sularso et al. (2024) yang mengkaji penggunaan lagu sebagai alat meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas. Penyelidikan deskriptif kualitatif menunjukkan lagu yang digunakan kepada kanak-kanak berkeperluan khas telah memberi kesan positif kepada kecerdasan emosi kanak-kanak. Lagu membantu kanak-kanak mengawal emosi dengan baik. Kajian ini menyumbang pemahaman lagu merupakan terapi emosi kepada kanak-kanak kurang upaya.

Kajian dari Sularso et al. (2024) ini juga menggariskan beberapa dapatan penting antaranya:

1. Pembelajaran berbantuan lagu dijadikan sebagai Terapi Kecerdasan Emosi untuk Kanak-kanak Terencat Akal. Kajian ini membantu kanak-kanak terencat akal untuk menstabilkan emosi.
2. Proses pembelajaran adalah kompleks dan banyak dipengaruhi oleh pelbagai elemen sokongan. Perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas banyak bergantung kepada bahan dan sumber sokongan serta pengulangan dan latihan yang kerap dan selesa

Kesimpulannya, penggunaan lagu membantu kanak-kanak berkeperluan khas menambahbaik perkembangan emosi, menenangkan dan menumpukan pada pembelajaran dengan lebih baik. Perkembangan emosi termasuklah mengenali dan mengurus emosi sendiri, memotivasi diri, berempati dan membina hubungan. Penyelidikan ini menyumbang kepada penggunaan lagu dan muzik sebagai terapi kecerdasan emosi kanak-kanak berkeperluan khas (Sularso et al, 2024).

4.5 Pengaruh lagu di prasekolah

Lagu memang sinonim dengan kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak suka menyanyi dan keseronokan. Maka, penggunaan lagu amat digalakkan dalam usaha menarik minat kanak-kanak. Lagu meningkatkan emosi positif dan seterusnya membantu kanak-kanak mudah menguasai pembelajaran. Banyak kajian menjelaskan penggunaan lagu di prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan positif kanak-kanak dalam menguasai pengajaran yang disampaikan (Palmer dan Booth, 2024; Fadhilah et al, 2023; Seri Fajiha Natasha et al, 2022).

Apabila guru mengajar menggunakan lagu kanak-kanak di prasekolah dapat membentuk sikap dan watak seseorang kanak-kanak (Siti Nur Adilah et al. 2021). Proses pembentukan keperibadian kanak-kanak seperti aspek keagamaan, jujur, disiplin, rajin, berdikari, demokrasi, inkuiri, semangat kebangsaan, cintakan negara, bersosialisasi, cintakan kedamaian, ambil peduli dan bertanggungjawab terbentuk pada saat guru mengajar menggunakan lagu. Pembentukan watak, sikap dan perubahan tingkahlaku dapat dilihat saat mereka beraktiviti di dalam kelas (Rosiman dan Ahmad, 2024). Pengkaji berpendapat apabila guru menggunakan lagu sebagai bahan pembelajaran kepada kanak-kanak prasekolah ini, secara tidak langsung dapat membentuk dan menanam keperibadian dan akhlak kanak-kanak.

Kajian oleh Fahmiatul et al. (2021) menggariskan manfaat penggunaan lagu di prasekolah. Hasil kajian menunjukkan penggunaan lagu sebagai media pengajaran memberi manfaat seperti meningkatkan daya ingatan, melahirkan rasa ketenangan, memudahkan pembelajaran, menghilangkan rasa cemas dan takut sepanjang belajar dan memudahkan pemahaman. Ini menjelaskan lagi bahawa penggunaan lagu di prasekolah memberi impak positif dalam seluruh aspek perkembangan kanak-kanak. Pengkaji juga menegaskan bahawa kanak-kanak berkembang mengikut peringkat perkembangannya terutama dari kecerdasan fizikal, kognitif, emosi dan komunikasi. Maka penggunaan lagu amat digalakkan. Palmer & Booth, (2024) percaya penggunaan muzik dan lagu boleh menjadi alat pedagogi berkesan dan berpotensi meningkatkan penglibatan kanak-kanak, meningkatkan keseronokan belajar serta membantu kanak-kanak mencapai objektif pembelajaran. Dalam kajian ini menggunakan subjek Sains iaitu dengan menggabungkan muzik dan lagu dalam pembelajaran Sains mendapati perkembangan positif dalam tahap penguasaan dan penglibatan kanak-kanak dalam menjalankan aktiviti.

Muzik dan lagu adalah elemen yang meresap terus ke dalam sanubari dan mempunyai kuasa dalam mengekspresikan jiwa dan naluri dengan lebih baik. Maka dengan itu lagu dan muzik wajar digunakan sedari awal kanak-kanak dalam usaha membentuk keperibadian diri seseorang individu. Kabilova E. B. (2024) menggariskan penggunaan lagu di prasekolah dapat memupuk rasa cinta terhadap muzik, memperkayakan pengalaman, memperkenalkan kepada kanak-kanak konsep mudah belajar, mengembangkan kemahiran, mengembangkan emosi positif kanak-kanak, meningkatkan perkembangan kreativiti serta mengekalkan pengalaman manis sepanjang persekolahan di prasekolah dan tadika. Kabilova E. B. (2024) percaya segalanya bermula di prasekolah. Lagu dan muzik menyokong perkembangan umum dan artistik kanak-kanak prasekolah. Pengaruh lagu dan muzik

membentuk keperibadian dan sahsiah kanak-kanak. Lagu menyumbang kepada keharmonian, keseimbangan dan kegembiraan kepada kanak-kanak.

Banyak kajian telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu yang membuktikan penggunaan lagu di prasekolah memberi kesan positif. Setiap kajian menghuraikan manfaat yang diperoleh dari semua pihak yang terlibat.

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pengaruh dan kesan lagu dalam pendidikan khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Tinjauan kajian lepas telah dijalankan dan pengkaji menemui kesan penggunaan lagu dalam pengajaran pembelajaran bukan sahaja semata-mata medan hiburan namun ianya lebih dari itu dengan memberi impak positif kepada kanak-kanak dan sebagai alat pendidikan yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran, memaksima perkembangan secara holistik, menjadi media menegmbang dan memperkenalkan sesuatu budaya dan transmisi budaya, meningkatkan penglibatan kanak-kanak dengan lebih maksima, meningkatkan keyakinan dan motivasi diri, membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa dan literasi, menguatkan daya ingatan dan ini membantu memudahkan guru menyampaikan pengajaran seterusnya mencapai objektif yang disasarkan dalam suasana pembelajaran yang meriangkan. Sorotan dari kajian lepas juga menemukan, pengaruh besar lagu ini hanya untuk kanak-kanak kecil, malah juga di pelbagai peringkat seperti di sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah berkeperluan khas dan juga untuk kanak-kanak pintar cerdas (PERMATA).

KESIMPULAN

Pengkaji terdahulu telah menunjukkan bagaimana lagu kanak-kanak memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan, khususnya pendidikan prasekolah. Seperti yang dihuraikan dalam kertas konsep ini, lagu bukanlah semata-mata hiburan, malah lagu membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dan kesejahteraan perkembangan kanak-kanak secara holistik. Dari sorotan kajian terdahulu, kesan dan pengaruh lagu dalam pendidikan mendapati lagu dapat meningkatkan kemenjadian kanak-kanak dalam pelbagai aspek perkembangan dan sebagai agen transmisi budaya. Kebanyakan lagu tradisional Melayu kanak-kanak semakin kurang digunakan ekoran masyarakat kini lebih tertarik dengan lagu moden. Kajian ini memfokuskan untuk membudayakan semula lagu tradisional Melayu kanak-kanak fokus kepada penggunaan dengan mengaplikasikan dalam pengajaran di prasekolah. Selain itu ia diharap mampu memberi transformasi yang dapat menarik minat masyarakat terhadap lagu tradisional Melayu kanak-kanak. Diharapkan kertas konsep ini akan memberikan ilmu dan perkongsian yang berharga kepada guru, penyelidik, dan pembuat polisi dalam industri pendidikan. Dengan memahami kesan dan pengaruh lagu dalam pendidikan, kita dapat mengembangkan strategi pendidikan dengan lebih efektif dan memberikan kualiti pendidikan yang lebih baik. Dengan ini dicadangkan untuk pembangunan model aktiviti lagu tradisional Melayu kanak-kanak untuk perkembangan sosio-emosi kanak-kanak prasekolah sebagai kajian lanjutan.

RUJUKAN

- Aminoh, J. (2024). *Manifestasi Sosiobudaya Dalam Lagu Rakyat Melayu Patani Dan Malaysia*. Jurnal Melayu Sedunia, 7(1), 95–114. <https://borneojournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/56718>
- David, R., Pawel, W., & Wojciech, D. (2024). *Critical Perspective On Max Porter* (1st ed., p. 14). Routledge 605 Third Avenue New York. <https://doi.org/10.4324/9781032662374>
- Fadhilah, Desyandri, & Farida, M. (2023). *Penerapan Seni Muzik Di Sekolah Dasar*. PENDAS; Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar, 8(1), 2946–2955. <https://doi.org/10.23969/jp.v8i1.8119>
- Fahmiatul, I., Resa, R., & Akhmad Nugraha, N. (2021). *Manfaat Lagu Anak dalam Meningkatkan Minat Belajar Peserta Didik Sekolah Dasar*. PEDADIDAKTIKA: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar, 8(3), 675–683. <https://doi.org/10.17509/pedadidaktika.v8i3.39237>
- Ika Nuriyanti, H. (2024). *Increasing Students' Motivation in Learning English through Song at Elementary School*. JADEs Journal of Academia in English Education, 5(1), 165–181. <https://doi.org/10.32505/jades.v5i1.8516>
- Izzatin, N. (2023). *Efektivitas Penggunaan Lagu Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Metode Tamyiz Di SD Islam Sultan Agung 4 Semarang* (pp. 1–125) [MSc Thesis].
- Isabelle Leong. (2020, April 16). *PKP dan Covid-19: Kanak-kanak lagi "stress" daripada orang dewasa*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-dancovid19-kanakkanak-lagi-stress-daripada-orang-dewasa-238632>
- Kabilova E. B. (2024). *Formation Of Creativity In Children Through Music Lessons*. Galaxy International Interdisciplinary Research Journal (GIIRJ), 12(5), 2347–6915.
- Laela, F. (2023). *Strategi Guru Dalam Menumbuhkan Kecerdasan Interpersonal Anak Usia Dini Pada Kegiatan Morning Circle* (p. 136) [Sarjana Pendidikan]. <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/76033>
- Mhd Hussin, N. A., Ayob, N. S., Ghazali, S. A., & Ibrahim, Z. (2023). *Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia*. Multidisciplinary Applied Research and Innovation, 4(2), 132–142. <https://doi.org/10.30880/mari.2023.04.02.018>
- Mohamed, Z., Mazlina, C. M., Lylia Dayana, S., Juppri, B., & Grace Annammal, G. P. (2021). *Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa Dan Komunikasi Kanak-Kanak*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 10(2), 2021–2048. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>
- Nur Asiah, L., Fitria Nur Afni, S., Khadijah, & Annisa Zaini, R. (2023). *Optimalisasi Perkembangan Emosional Anak Usia Dini*. Journal of Education, 6(1), 4801–4808. e-issn: 2654-5497, P-ISSN: 2655-1365
- Nurul Aida, A., & Abdul Halim, M. (2022). *Penggunaan lagu kanak-kanak dalam proses perkembangan kemahiran Bahasa Melayu di Tadika Swasta*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11(1), 2022–2091. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.9.2022>
- Nurul Jannah, K., Abdul Halim, M., & Vol. (2023). *Analisis Keperluan Imajinasi Kreatif Prasekolah Berasaskan Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 16(sp2), 2821–3173. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.15.2023>
- Palmer, T.-A., & Booth, E. (2024). *The Effectiveness of Song and Music as Pedagogical Tools in Elementary School Science Lessons: A Systematic Review of Literature*. International Journal of Education & the Arts, 25(7), 1–22. <https://doi.org/10.26209/ijea25n7>
- Rosiman, I., & Ahmad, R. (2024). *Pemanfaatan Lagu Anak-Anak Sebagai Media Pendidikan Taman Kanak Kanak*. Jurnal Pendidikan Tuntas, 2(2), 66–72. <https://publikasi.abidan.org/index.php/jpt/article/view/466>. issn: 3025-5430 (Online)
- Shakhnoza, I., Zamira, S., Sevinch, N., & Asqar, O. (2024). *Improving Listening Skills Of Elementary School Students Through Music And Songs*. Western European Journal of Linguistics and Education, 2(4), 61–65. <https://westerneuropianstudies.com/index.php/2/article/view/582>
- Seak Yi Chek, & Khairul Farhah, K. (2023). *Penerimaan Rakan Sebaya dan Interaksi Sosial Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Di Dalam Kelas Inklusif Semasa Endemik Covid-19*. Jurnal Dunia Pendidikan, | Vol. 5, No. 1, 217-230, 2023(e-ISSN: 2682-826X). <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.18>
- Seri Fajiha Natasha, R., Yuhanis, M. B., & Mohd Hassan, A. (2022). *Persepsi Guru Pelatih Terhadap Penciptaan Lirik Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional Sebagai Bahan Pengajaran Topik Fotosintesis Tingkatan 1*. Jurnal Peradaban Melayu Bil, 2(17), 22–29. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.3.2022>
- Siti Nur Adilah, A., Roziah, S., Mat Sidek, M., & Erny Azziaty, R. (2021). *A History of Development of Music Therapy Application in Mental Health Treatment*. Sains Insani, 6(3), 27–34. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.358>. Institut Islam Hadhari, UKM, Selangor, Malaysia.
- Sularso, S., Febriana Putri, D., & Hanshi, B. (2024). *Utilizing Music Learning as Emotional Intelligence Therapy for Students with Intellectual Disabilities in Special Elementary Schools*. Jurnal Pengkajian Dan Penciptaan Musik, 7(1), 64–76. <https://doi.org/10.26740/vt.v1n1.p64-76>

Zainiah, M. I., Mazlina, C. M., Iylia Dayana, S., Bacotang, J., & Grace, A. (2021). *Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa Dan Komunikasi Kanak-Kanak*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 2021–2048. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>